



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.100-1/4/2 (15)

12 Januari 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH PERINTAH-PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. YAB Perdana Menteri dalam perutusan khasnya pada 11 Januari 2021 telah mengumumkan Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa mulai 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021 seperti **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1: Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan

Bil	Perintah	Negeri
1.	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah

Bil	Perintah	Negeri
2.	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan
3.	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	Perlis dan Sarawak

Nota: Tertakluk kepada pengumuman Kerajaan dari semasa ke semasa.

3. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berterusan, maka pejabat-pejabat Kerajaan diarahkan beroperasi sepenuhnya dengan kehadiran pegawai seperti **Jadual 2** di bawah. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah (PP 5/2020), lain-lain pegawai adalah diarahkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR).

Jadual 2: Kehadiran Bertugas Pegawai Perkhidmatan Awam

Bil	Perintah	Negeri	Kehadiran bertugas
1.	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah	Perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) - 100%.
2.	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan	Perkhidmatan lain - maksimum 30%.
3.	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	Perlis dan Sarawak	Kehadiran secara optimum.

4. Bagi memastikan perkhidmatan asas agensi tidak terjejas, berterusan dan dapat dicapai oleh pelanggan berdasarkan Piagam Pelanggan Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing, maka Ketua Jabatan hendaklah menentukan kehadiran pegawai yang diperlukan bertugas di pejabat seperti mana **Jadual 2** di atas, manakala pelaksanaan BDR hendaklah mengikut peraturan dan garis panduan yang telah diperuntukkan dalam PP 5/2020.


5. Surat edaran ini juga terpakai bagi mana-mana negeri atau kawasan tertentu mengikut jenis Perintah yang diumumkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)

